

EK

ECONEWS

MALAYSIA AKAN JUAL TEKNOLOGI KEPADA JEPUN MENJELANG TAHUN 2000

SHAH ALAM, 9 Ogos (Bernama)--Malaysia, dengan bantuan penyelidikan dan pengembangan (R&D) dari Jepun, akan menjual teknologi ke negara tersebut menjelang tahun 2000, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Tambahnya kejayaan tersebut boleh dicapai daripada teknologi bar-u yang akan dimajukan oleh para jurutera Malaysia, dan dengan itu mempercepatkan usahanya kerah mencapai taraf negara perindustrian, katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Matsushita Air-Conditioning Corp Sdn Bhd, Matsushita Compressor dan Motor Sdn Bhd dan meletakkan batu asas pusat penyelidikan dan pengembangan Matsushita Air-Conditioning di sini.

Beliau memuji kumpulan syarikat Matsushita yang telah melabur \$90 juta dalam pusat penyelidikan di sini, yang apabila siap tahun depan, akan mencipta pendingin hawa di negara ini pada masa depan.

Seterusnya, syarikat Jepun itu berhasrat mengeksport ciptaan dan rekaan barunya kepada syarikat induk di Jepun dan sebaliknya, syarikat induk itu akan membayar royalti kepada Malaysia.

Ini akan menjadi satu kejayaan bagi Malaysia kerana Matsushita Air-Conditioning Corp buat masa ini membayar royalti kepada Matsushita Research dari Jepun, kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Beliau berkata pusat R&D yang akan dibina oleh Matsushita membuktikan bahawa Jepun adalah serius dalam memindahkan teknologi mereka ke Malaysia walaupun terdapat pendapat yang berbeza mengenai perliarannya.

Sebagai contohnya, beliau berkata tanpa teknologi Jepun, Malaysia tidak akan berupaya mengeluarkan Proton Saga, sambil menambah bahawa negara lain tidak berupaya atau tidak mahu berbuat demikian.

Beliau berpendapat, lain-lain negara asing seharusnya memberikan tumpuan kepada R&D, kerana suatu masa nanti, Malaysia dapat berdikahi dalam pembangunan teknologi dan membolehkan Malaysia bersaing bersama dengan lain-lain negara perindustrian. -- Bernama